

Title : MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PENYELEWENGAN AKIDAH
MASA KINI

Author(s) : Suhaila Binti Zakaria

Email : suhailazakaria98@gmail.com

Institution : University of Malaya

Category : Article, Competition

Topic : Sociology

Publisher :

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PENYELEWENGAN AKIDAH MASA KINI

Suhaila Binti Zakaria

Pendahuluan

Islam adalah agama Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW dan para nabi sebelum baginda yang berbalut iman dan amal. Iman adalah akidah dan perkara asas yang membentuk syariat Islam dan cabang-cabangnya. Amal pula adalah syariat dan cabang-cabangnya yang terhasil daripada iman dan akidah. Allah mementingkan persoalan akidah manusia. Akidah yang sahih merupakan asas kekuatan ummah dan ketamadunan manusia. Penjagaan akidah dan tauhid adalah perkara yang dilakukan oleh Islam dalam penetapan syariat. Akidah yang utuh bagi seorang Muslim ialah yang melibatkan kepercayaan dengan rukun Iman dan demikianlah sebaliknya. Pada hari ini, ancaman ke atas akidah umat Islam semakin bertambah apabila dunia menjadi semakin terbuka melalui hubungan sosial yang meluas, kemajuan internet dan kemudahan maklumat. Pemikiran yang bercanggah dengan akidah Islam seperti sekular, liberal dan Syiah mula merebak ke atas generasi muda umat Islam. Umat Islam dikelirukan dengan bahan-bahan yang telah diselewengkan dengan memanipulasikan nas syarak (Jasni bin Sulong 2016).

Definisi Media Sosial

Dalam penulisan Muhammad Syazwan Ayub et al.,(2019)¹ yang bertajuk “Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam,” telah mendefinisikan media sosial menurut Kamus Dewan (2005) Edisi Keempat, media bermaksud alat atau pengantara dalam komunikasi ataupun perhubungan. Manakala sosial bermaksud segala hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Oleh itu, media sosial secara mudahnya membawa erti instrumen sosial dalam berkomunikasi.

Media sosial merupakan halaman sosial yang membenarkan semua pengguna untuk membuat akaun sosial secara peribadi, kemudian memberi kemudahan dalam membuat perhubungan dan berinteraksi antara satu sama lain. Contoh laman sosial adalah seperti

¹ Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazmallail Marni, “Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam,”Jurnal SSTM’19, 15 Disember 2019, 7

Facebook, Whatsapp, Twitter dan Instagram dan sebagainya. Media sosial juga menjemput kepada para pengguna untuk menyiarkan segala berita sama ada dalam bentuk hiburan, isu semasa dan berkongsi maklumat tanpa mengira masa dan tempat.

Penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat menular dan mendapat sambutan yang baik di negara Malaysia. Hal ini demikian kerana media sosial juga merupakan aplikasi yang mampu diguna terus dalam talian, dan membenarkan para pengguna dalam mencipta isi blog, rangkaian sosial serta forum yang mampu memberi kemudahan kepada pengguna dalam kehidupan seharian (Luqman Hakeem Frank Wilkins 2019)

Pengertian Penyelewengan Akidah

Fenomena penyelewengan akidah bukanlah satu fenomena yang baru, bahkan telah wujud ketika Rasulullah s.a.w masih hidup dengan kemunculan beberapa orang yang mendakwa diri sebagai nabi. Antara mereka ialah Aswad al-Ansi, Tulayyah alKhuwailid dan Musaylamah al-Kadhdhab. Dakwaan mereka jelas menzahirkan penyelewengan yang dilakukan kerana Nabi Muhammad s.a.w adalah nabi akhir zaman, tiada lagi nabi selepas baginda s.a.w sebagaimana firman Allah :

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya :“Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Berdasarkan kajian Nailah binti Ismail (2011)² yang bertajuk “ Al-Hawa Dalam Penyelewengan Akidah” telah menerangkan berkaitan definisi penyelewengan akidah. Terdapat tiga istilah yang lazim digunakan umum yang pada hakikatnya menunjukkan berlakunya penyelewengan akidah iaitu ajaran sesat, bidaah dan murtad

1) Ajaran Sesat

² Nailah binti Ismail, “Al-Hawa Dalam Penyelewengan Akidah : Kajian Di Kelantan”, (tesis Ijazah Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 122-127

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menggunakan istilah ajaran sesat dalam mengungkapkan penyelewengan akidah dan mendefinisikan ajaran sesat sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang didakwa berdasarkan kepada ajaran Islam, tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Manakala mengikut definisi mantan pengarah YADIM, Haji Mohd. Amin Salleh, ajaran salah atau sesat adalah semua bentuk ajaran atau amalan yang didapati bertentangan dengan syariat Islam atau bertentangan dengan mana-mana sumber hukum Islam (al-Quran, al-Hadith, ijmak dan qias) sedangkan ajaran atau amalan yang bertentangan itu didakwa atau dikatakan dari ajaran Islam (Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato^c Seri Utama Diraja (2007).

Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman yang tidak diketahui penulisnya(2016)³ di laman sesawang blogspot berkaitan tajuk "Ajaran Sesat Di Malaysia: Kesan Sosialisasi Terhadap Masyarakat Dan Negara". Beliau mengatakan orang-orang yang sesat ialah orang-orang yang tidak berpengetahuan agama kerana tidak berusaha mempelajarinya atau orang yang berpengalaman agama yang tidak betul kerana dipelajari dengan tidak menurut peraturan dan jalan sebenarnya. Menurut Oxford English Dictionary, ajaran sesat adalah pandangan atau doktrin teologi atau keagamaan yang dianggap berlawanan atau bertentangan dengan doktrin Gereja Katholik atau ortodoks, atau dalam pengertian yang lebih luas, dengan doktrin gereja, keyakinan, atau sistem keagamaan manapun yang dianggap ortodoks atau ajaran benar.

2) Bidaah

Bidah bermaksud perbuatan mencipta atau mereka sesuatu ajaran baru yang tiada dalam nas syarak. Bidaah bererti memberi bentuk lain kepada syariat Allah s.w.t dengan mengubah bentuknya. Hukum mereka bidaah adalah haram berdasarkan peraturan al-Qur'an, al-Hadith dan ijmak ulamak (Nailah binti Ismail 2011).

³ Penulis tidak diketahui, "Ajaran Sesat Di Malaysia: Kesan Sosialisasi Terhadap Masyarakat Dan Negara", diterbitkan 17 Oktober 2016, http://ajaransesat07.blogspot.com/2016/10/ajaransesat-di-malaysia-ajaran-sesat-di_17.html

3) Murtad

Murtad atau dalam bahasa Arabnya (al-riddah) bermaksud kembali ke jalan asal, atau keluar daripada agama Islam, tidak setia pada agama ataupun kembali menjadi kafir setelah Islam. Akidah seseorang yang menganut Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah akan binasa atau rosak setelah dia melakukan sesuatu perbuatan atau berkata dengan perkataan yang boleh merosakkan akidah dengan iktikad (keyakinan)nya.

Menurut definisi murtad yang dibentang oleh Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan (2015)⁴ ialah beralih daripada memeluk Islam kepada memeluk agama lain atau anutan lain. Perkataan murtad merupakan isim fa'il kepada pelaku murtad. Beliau mengemukakan takrif secara keseluruhan seperti yang dinukilkan daripada kitab Uqubah al-I'dam (hal. 349) menyebut: Murtad ialah seseorang Islam secara pilihan dengan Islamnya telah memutuskan untuk keluar sama ada dengan ucapan, perbuatan atau iktikad atau meragui apa yang telah dimaklumi dalam agama secara darurat.

Apapun istilah yang digunakan, asas penyelewengan akidah ialah penambahan dan penolakan terhadap mana-mana syariat Allah s.w.t dengan keyakinan bahawa penambahan tersebut membawa kebaikan kepada seseorang dan penolakan itu menolak kemudharatan terhadapnya. Iktikad tersebut menunjukkan seolah-olah Allah s.w.t mempunyai kekurangan, dan Islam itu masih tidak lengkap.

Punca Media Sosial Sebagai Medium Penyelewengan Akidah Masa Kini

Lajnah Penyelidikan Dewan Ulamak PAS Selangor (2015)⁵ telah menekankan bahawa kedudukan akidah dalam Islam memainkan peranan yang sangat penting. Akidah yang benar merupakan asas tegaknya agama dan kunci diterimanya amalan. Allah berfirman dalam surah al-Kahfi ayat 110:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

⁴ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan, "Pengertian Murtad," laman sesawang Google, diterbitkan 27 Februari 2015, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/2064-25>

⁵ Ensiklopedia Dakwah, Lajnah Penyelidikan Dewan Ulamak PAS Selangor, "Faktor-faktor Utama yang Merosakkan Akidah Muslim" laman sesawang Google, diterbitkan 13 Disember 2015, <http://ensiklopediadakwah.blogspot.com/2015/10/7-faktor-utama-yang-merosakkan-akidah.html>

Maksudnya:“Maka barangsiapa yang mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya hendaklah dia beramal soleh dan tidak mempersekutukan sesuatu apapun dengan-Nya dalam beribadah kepada-Nya.”

Dalam masyarakat kita sekarang, masih banyak penyimpangan akidah yang benar. Kerana sebuah masyarakat yang tidak dibangun di atas fondasi akidah yang benar akan mudah terkena dengan berbagai pemikiran materialisme, liberalisme dan isme-isme yang lainnya. Antara salah satu punca penyelewangan akidah adalah media dan informasi lebih bersifat melalaikan. Sebagian besar siaran dan acara yang mereka tampilkan tidak memperhatikan aturan agama. Hal ini akan menimbulkan perubahan dalam masyarakat serta menjadi sarana perosak dan penghancur generasi umat Islam masa akan datang.

Realiti yang kita nampak pada hari ini, aplikasi-aplikasi media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter, Telegram, Instagram dan sebagainya seakan-akan menjadi dan keperluan semasa. Aplikasi-aplikasi media sosial seumpama ini, tidak dinafikan mempunyai banyak kebaikan yang tersendiri. Antaranya, ia membantu mengeratkan hubungan silaturahim dengan mempermudah perhubungan sesama keluarga serta sahabat handai. Ia juga merupakan platform terpantas bagi penyebaran dan perkongsian berita, maklumat ataupun ilmu. Bagaimanapun, terdapat juga impak negatif kepada pengguna yang mana mereka tidak celik akan hari ini banyak berlaku isu salah laku dalam penggunaan media sosial seperti menyebarkan maklumat yang tidak sah, melayari web yang tidak berfaedah, menyebarkan fitnah dan gossip dan mengikut trend budaya fesyen yang tidak berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

1) Menyebarkan maklumat yang tidak sah

Walaupun media sosial menjadi platform terpantas bagi penyebaran dan perkongsian berita, maklumat ataupun ilmu, bagi pengguna yang lalai dan dalam kealpaan serta "keiskian" budaya "*copy & paste*", sebilangan orang mudah terlupa akan satu hakikat yang sangat penting, iaitu tidak semua berita, maklumat ataupun ilmu yang viral atau tersebar dalam media sosial itu adalah sah dan tepat.

Daripada hasil pembacaan pengkaji di laman sesawang mengenai tajuk kajian ini, Mufti Kedah Datuk Syeikh Muhamad Baderudin Ahmad (2016)⁶ mengatakan bahawa belajar agama guna media sosial boleh terjebak dengan ajaran sesat. Dalam pada itu, beliau berkata kini terdapat banyak kuliah dan maklumat berkaitan agama dimuat naik ke dalam media sosial yang sumbernya tidak dipastikan. Adalah penting untuk merujuk kepada mereka yang arif tentang agama berhubung sebarang maklumat berkaitan agama Islam di dalam media sosial. Apabila lihat anak-anak muda masa kini, mereka tidak ada asas agama yang cukup. Hal ini mengakibatkan apa sahaja benda baharu yang dibawa, mereka fikir itu betul sedangkan apapun kita haruslah merujuk syariat terutama dalam medium khusus iaitu Facebook, sesiapa pun boleh menulis menyebabkan kesahihan sumber itu sangat diragui.

Hal ini dijelaskan lagi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) (2013)⁷ membahaskan mengenai “Fahaman Syiah Disebarkan Melalui Media Sosial”. Menurut Penolong Pengarah Akidah Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Mohd Aizam Masod, kumpulan terbabit dilihat aktif mengembangkan ajaran syiah melalui laman blog dan laman media sosial seperti Facebook.

Justifikasinya, medium Facebook adalah salah satu punca para pengguna ke jalan ajaran yang sesat. Dengan hanya merujuk kepada bahan daripada internet seperti al-Quran, kemungkinan berlaku kesalahan fakta seperti ayat versi Israiliyyat. Jika pengguna tidak menitikberatkan akan kesahihan sumber daripada mana, serta pengguna tiada asas agama, maka pemesongan akidah akan berlaku. Justeru itu, para pengguna perlulah merujuk kepada sumber asal bagi mengesahkan dan mengelakkan kekeliruan.

Firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلٰى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya : Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah

⁶ Datuk Syeikh Muhamad Baderudin Ahmad, “Belajar Agama Guna Media Sosial Boleh Terjebak Dengan Ajaran Sesat,” laman sesawang Google, diterbit 03 Mac 2016,

<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/03/03/belajar-agama-media-sosial>

⁷ Astro Awani, “Fahaman Syiah Disebarkan Melalui Media Sosial,” laman sesawang Google, diterbit 26 Ogos 2013, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-fahaman-syiah-disebarkan-melalui-media-sosial-21068>

kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu” (Surat Al-Hujurat: 6)

Maklumat yang tepat dan benar kesahihannya adalah penting bagi menjamin tidak berlaku penyelewengan dan kepalsuan fakta. Terutama sekali dalam soal ilmu keagamaan yang perlu dipastikan kebenarannya. Pihak yang tidak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan bagi menyeleweng dan melakukan dusta bagi tujuan menyesatkan orang beriman terutama dalam golongan remaja yang tidak didedahkan dengan ilmu agama. Kesan yang nyata dari amalan ini ialah golongan remaja mencari maklumat mudah mempercayai bahan yang diperolehi dari internet. Rujukan maklumat semata-mata kepada internet tanpa pengesahan akan menimbulkan masalah tentang kebenaran fakta sesuatu maklumat dan bertentangan dengan hukum syarak dan akidah Islam (Muhammad Syazwan Ayub et al., (2019)

2) Melayari web yang tidak berfaedah

Isu penyalahgunaan internet yang sedang hangat diperkatakan adalah isu melayari laman web yang tidak berfaedah adalah seperti berunsur lucuh atau dipanggil sebagai pornografi. Terdapat kajian di laman sesawang mengenai pornografi (Penulis tidak diketahui 2016)⁸ mendefinisikan sebagai penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan dengan cara yang mengghairahkan yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks secara lucuh. Sebelum ini, cara mendapatkan bahan-bahan tersebut adalah melalui teknologi dari mesin cetak seperti foto, gambar, majalah, pita video atau cakera padat. Tetapi kini, dengan kepesatan teknologi menyebabkan perkara seperti ini mudah tersebar dengan cepat dan bermaharajalela di laman sosial terutama di Youtube, lagi-lagi semua benda hanya berada di hujung jari sahaja. Medium ini berbentuk video beserta audio dan terdapat juga ruangan komen di bawah video Youtube itu sendiri. Laman-laman web yang menyajikan pornografi ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja termasuklah golongan belia, remaja mahupun kanak-kanak kerana ianya percuma.

Lemahnya akidah seseorang membolehkan seseorang itu terjerumus ke lembah pornografi. Jika hawa nafsu yang diturutkan, manusia melakukan apa sahaja kesukaannya

⁸ “Penulis Tidak Diketahui”, Isu Salah Laku Dalam Penggunaan Internet, laman sesawang Blogspot, diakses 08 Ogos 2016, <http://penggunainternetb.blogspot.com/>

tanpa mengambil kira batasan agama sehingga penyelewengan akidah yang telah diimani. Berbalik kepada fitrah beragama, semua agama melarang perbuatan yang tidak bermoral ini. Dalam Al-Quran ada menegaskan, Allah berfirman :

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً ۖ وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya : “Dan janganlah kamu mendekati zina; (zina) itu sungguh suatu perbuatan keji, dan suatu jalan yang buruk.” (Surah Al-Isra' 32)

Siti Norhanani (2011)⁹ telah membahaskan berkaitan “Kesan Dan Cabaran Dunia Siber Dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat” bahawa impak kepada gejala ini memberi kesan seperti merebak bermacam penyakit sosial akibat ketagihan seks seperti perzinaan, pelacuran, penularan HIV/AIDS, Homoseksual dan Lesbian, penyakit kelamin, curang dalam hubungan dan melakukan seks sebelum kahwin di kalangan remaja. Beliau mengatakan menurut laporan akhbar dan kajian oleh penyelidik Universiti Malaya pada tahun 2005 ramai remaja sudah melakukan hubungan seks dalam menjalinkan perhubungan mereka. Malahan ada yang merakamkan untuk simpanan peribadi dan disebar untuk umum melalui internet dan telefon peribadi menggunakan teknologi 3G. Berdasarkan kajian Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Universiti Malaya dan sebuah syarikat swasta pada tahun lalu mendapati 13 peratus remaja berusia 15 hingga 21 tahun pernah mengadakan hubungan seks sebelum. Kajian itu mendapati 76 peratus daripada respondennya remaja lelaki manakala 61 peratus membabitkan remaja perempuan (Siti Norhanani 2011).

Keburukan zina sangat memberi impak terhadap kehidupan masyarakat. Semua perkara ini adalah berpunca daripada media sosial yang menyebarkan bahan negatif yang merosakkan akidah. Intihannya, amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

3) Menyebar fitnah dan gosip

Kemudahan media sosial sering disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Gejala utama yang selalu dikaitkan dengan teknologi media ialah penyebaran fitnah dan gosip oleh

⁹ Siti Norhanani, “Kesan Dan Cabaran Dunia Siber Dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat”, laman sesawang Google, diterbitkan 15 December 2011, <https://sitinorhanani.wordpress.com/2011/12/15/kesan-dan-cabaran-dunia-siber-dalam-pembentukan-akhlak-masyarakat/>

satu pihak bagi tujuan memburuk, memalu atau menjatuhkan pihak lain. Hal ini mencabar etika dan tatasusila hidup bermasyarakat dan bernegara. Menurut ajaran Islam, penyebaran fitnah adalah satu jenayah yang sangat besar. Fitnah memberi kesan terhadap maruah dan kedudukan seseorang serta keluarganya. Hari ini, sekali kita memuat naik kenyataan fitnah, umpat dan pembohongan, semua pengikut dapat membacanya dan kemudian dikongsi dengan orang lain. Kemudaratannya besar sekali, malah jika input atau maklumat-maklumat itu berkaitan dengan soal keagamaan diteruskan tanpa sedar penyebarannya dapat memberi kesan yang buruk pada akidah Islam individu.

Dalam pada itu, kita boleh lihat bahawa medium facebook dan whatsapp inilah yang menggiat dalam penyebaran fitnah dan gosip. Facebook mempunyai ruangan share, komen dan status update. Ketiga-tiga elemen ini penting dalam penyebaran fitnah dan gosip termasuk juga dalam penyebaran sesuatu maklumat yang sahih atau tidak. Apabila seseorang mengikut kata hawa nafsunya, bermakna dia menolak wahyu Allah s.w.t. Hawa nafsu pada diri manusia juga memainkan peranan untuk melawan daripada menggiat menyebarkan fitnah kerana ia adalah sangat kuat sehingga mampu merapuhkan akidah manusia yang terpasak kukuh.

Dr Nik Roskiman Abdul Samad (2015)¹⁰ telah mengupas dalam berita harian mengenai kesan buruk sebar fitnah dalam media sosial. Beliau mengatakan berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga berpuasa pancaindera seperti mata, lidah, telinga dan lain-lain daripada segala dosa, berpuasa hati daripada lintasan jahat serta maksiat. Itulah tingkatan puasa yang terbaik seperti yang digariskan oleh Hujjatul Islam Imam al-Ghazali. Cuma satu perkara pada zaman moden ini, kita lupa untuk turut berpuasa 'tangan' daripada mengetuk papan kekunci komputer atau gajet kita. Kita berpuasa lidah, namun tangan masih terus menerus menghantar kenyataan (status), tulisan di Facebook, blog, Twitter mengumpat dan memfitnah orang lain.

4) Budaya Fesyen

Tambahan pula, golongan remaja lelaki dan perempuan juga mudah terpengaruh dengan trend terkini dan fesyen yang menular di media sosial terutamanya di instagram. Banyak perkara buruk dalam instagram yang dapat mengundang maksiat dan dosa serta

¹⁰ Dr Nik Roskiman Abdul Samad, "Kesan Buruk Sebar Fitnah Dalam Media Sosial," diakses 23 Julai 2015, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/07/69549/kesan-buruk-sebar-fitnah-dalam-media-sosial>

memberi impak negatif terhadap akidah Islam seperti melihat gambar dan video pakaian-pakaian yang tidak menutup aurat dan banyak lagi. Nur Hidayu Nordin et al., (2019)¹¹ menghuraikan bahawa perbuatan ini mengundang zina dalam kalangan masyarakat masa kini terutamanya golongan remaja. Juga banyak kes yang melibatkan kaum wanita yang terlibat dengan kes zina disebabkan oleh permulaan menyiarkan gambar-gambar yang mengundang kehairahan kaum lelaki dan terpengaruh dari pujian mereka. Kemungkinan yang tinggi untuk penyebaran gambar lucah ini sangat berbahaya dan dapat menjatuhkan maruah seseorang individu itu. Hal ini telah bercanggah dengan ajaran Islam

Selain itu, ada pengguna yang tidak menggunakan identiti yang sebenar semasa menggunakan laman sosial instagram ini. Melalui instagram ini juga, terdapat banyak kes penceraian yang berlaku dan ini sangat membimbangkan kaum wanita terutamanya. Hal ini kerana, media sosial banyak memaparkan gambar yang tidak sopan dan budaya baru yang menjadi ikutan dalam kalangan remaja masa kini. Dalam pada itu,, ramai dalam kalangan remaja ingin dikenali sebagai seseorang yang hidupnya lebih mewah, lebih terkenal atau “role model” kepada anak muda yang lain. Mereka sering memuat naik gambar tentang aktiviti harian dan menunjukkan kemewahan hidup yang mereka perolehi.

Senario hari ini memperlihatkan bahawa manusia tidak menitikberatkan dengan betul cara penggunaan media sosial menyebabkan berlaku pelbagai gejala negatif sama ada yang melibatkan remaja, dewasa atau warga emas pada semua peringkat sama ada pelajar, pekerja atau yang menganggur. Manusia melakukan pelbagai lebih membahayakan apabila gejala negatif manusia yang memperturutkan hawa nafsu mengancam akidah umat dengan penularan kes-kes murtad dan penyelewengan akidah.

Persediaan Menangani Ajaran Menyeleweng atau Sesat

Kita dapat lihat bahawa terdapat banyak isu tingkah laku dalam penggunaan media sosial masa kini memberi impak yang negatif, malah yang lebih teruk membawa pengguna kepada ke arah ajaran yang menyeleweng. Justeru, wajarlah setiap pengguna yang kecanduan dalam media sosial mestilah mengendalikan akan isu ini kerana ia telah bercanggah dengan ajaran Islam. Pengkaji telah meneliti dan tertarik dengan penulisan Y.B S.S Dato’ Hj.Mohd

¹¹ Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad & Ahmad Marzuki Mohamad, “Media Sosial dan Instagram Menurut Islam,” Jurnal p. 277-296 . ISBN: 978-967-2296-55-3, 281

Murtadza bin Hj. Ahmad (Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus 2019)¹² mengenai beberapa persediaan untuk pengguna semai dalam diri masing-masing bagi menangani ajaran menyeleweng daripada penyelewengan akidah. Antaranya adalah:

1) Iman Asas Kualiti Insan

Dalam penulisan Latifah Arifin (2018)¹³ di laman sesawang Berita Harian telah menghuraikan berkaitan “Bantu Selamat Akidah Golongan Hilang Arah” bahawa antara sindrom yang menular dalam kalangan umat Islam hari ini dan perlu dibendung segera adalah keruntuhan iman akibat tidak memahami ajaran serta ketetapan syariat Allah SWT, malah berani mempersoalkan kebenaran dalam banyak aspek, termasuk hukum. Menyifatkan situasi itu makin serius, pendakwah kelahiran Singapura, Farhana Munshi, berkata ia adalah ancaman kepada Muslim di seluruh dunia, katanya lagi "Di Singapura ia semakin merebak dan berdasarkan pemerhatian saya menerusi pencarian di media sosial, kebanyakan melihat hal agama menyusahkan. Ada yang merungut terlalu banyak larangan dalam Islam hingga mendorong golongan ini berpaling daripada jalan Allah SWT".

Iman mempunyai kaitan yang padu dengan kualiti insan. Ia adalah asas atau permulaan bagi setiap perilaku dan tindakan manusia yang akan menghasilkan kesempurnaan seseorang yang benar-benar bersyahadah dengan keimanannya. Oleh kerana itulah al-Quran tidak memisahkan antara iman dan amal seseorang itu.

Firman Allah swt:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ
الصَّادِقُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). (Surah al-Hujurat:15)

¹² Y.B S.S Dato’ Hj.Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus, “Persediaan Menangani Ajaran Menyeleweng atau Sesat,” laman sesawang Mufti Kerajaan Negeri, diakses 19 April 2019, <http://www.muftins.gov.my/v1/en/2019/04/19/persediaan-untuk-menangani-ajaran-menyeleweng-sesat/>

¹³ Latifah Arifin, “Bantu Selamat Akidah Golongan Hilang Arah”, laman sesawang Google, diakses 22 April 2018, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/415158/bantu-selamat-akidah-golongan-hilang-arah>

Melalui konsep iman, tunggak kekuatan seseorang muslim akan menjadi teguh, berupaya melaksanakan titah perintah Allah, meninggalkan segala larangan dengan cekat hati, mampu menghindari belenggu kejahilan dan penyelewengan. Melalui iman juga manusia akan terselamat daripada sebarang ancaman sama ada yang datang dari laman sosial mahupun runtunan hawa nafsu yang muncul dari dalam diri. Mereka tidak akan tunduk kepada ancaman-ancaman tersebut kerana telah dibentengi oleh iman yang teguh. Beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya akan memberi kepuasan dan kebersihan hati dan fikiran. Ia akan melahirkan sifat taqwa dan dapat memandu seseorang itu menjalani kehidupan ini dengan mengikut jalan yang lurus, dapat mengawal daripada segala macam kelemahan kemungkar dan penyelewengan serta dapat mengeluarkan dirinya daripada segala perkara yang menyusahkan.

Firman Allah swt:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا

Maksudnya: “Dan (ingatlah!) sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah memudahkan baginya segala urusan”. (Surah al-Talaq: 4)

Dengan iman, seseorang itu akan dapat mengenal dan membezakan antara yang benar dengan yang salah dan tidak mudah terpengaruh serta terikut dakyah penyelewengan yang disampaikan kepada mereka terutama dalam media sosial.

2) Syariah Asas Setiap Ajaran

Ukuran yang tepat untuk memastikan sesuatu ajaran, pemikiran, istiadat dan tindakan itu salah atau benar, sesat atau batin, sesuai atau bercanggah dengan Islam ialah sejauh mana ianya bersesuaian dan serasi dengan Islam, sejauh mana ianya bertepatan dengan kehendak syariah dan mutabaqah (مطابقة) dengan al-Quran dan al-Sunnah (Y.B S.S Dato’ Hj.Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad 2019).

Pada kebiasaannya ajaran salah atau sesat ini dihubungkan dengan perjalanan tasawwuf dan tariqat demi untuk menarik minat masyarakat Islam. Jika diperhatikan dengan teliti berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap beberapa ajaran salah dan sesat, ternyata ianya terpengaruh oleh ajaran batiniyah yang cuba meruntuhkan Islam dan aqidahnya,

menggugurkan taklif dan syarak, menafikan Muhammad Rasulullah SAW dan syariat, dengan mendakwa kesempurnaan dirinya kerana adanya ‘hakikat Muhammad yang batin’ dalam dirinya. Ada yang menafikan ketuhanan Allah dengan idea bertuhankan diri sendiri dengan mengaku dirinya tuhan bertujuan untuk membebaskan diri dari larangan dan ikutan syarak supaya dapat mengamalkan kepuasan hawa nafsu terutama berhubung tentang seks dan wang. Demikianlah inti pati ajaran batiniyah yang banyak mempengaruhi ajaran sesat di negara ini.

Di dalam hubungan ini, ulamak sufiah telah menegaskan bahawa jika kamu melihat seseorang berjalan di atas air sedangkan dia melakukan larangan dan tegahan syarak, ketahuilah bahawa dia adalah syaitan. Kata-kata ini dibenarkan oleh Imam al-Ghazali. Menurut al-Syeikh Ahmad Fathullah Jamiy, apa yang dituntut pada setiap orang mukmin ialah berpegang dengan syariah. Manakala tariqat itu sebahagian daripada syariat. Beliau menegaskan lagi, syariat itu adalah asal dan tariqat cabang baginya, hakikat pula gabungan antara syariat dan tarikat (Y.B S.S Dato’ Hj.Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad 2019)

3) Wadah Islam Menghapuskan Kejahilan

Mencari dan menuntut ilmu pengetahuan adalah suruhan yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim. Seseorang yang jahil tidak dapat membezakan antara kebenaran dengan kebatilan. Kebenaran dan kebatilan amat berbeza. Untuk mengenalpasti mengenainya, seseorang itu mesti mempunyai ilmu dan menghayati kebenaran itu. Di samping dapat mengenalpasti kebenaran, seseorang itu hendaklah juga mengetahui ciri-ciri kesesatan supaya tidak tergelincir ke dalamnya Sunnah (Y.B S.S Dato’ Hj.Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad 2019).

Allah swt telah menyatakan Islam sebagai agama kebenaran, jalan yang lurus dan jalan yang boleh menyampaikan kepada keredhaan-Nya. Jalan ini mestilah dilalui oleh setiap hamba Allah yang ingin mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Allah juga menerangkan bahawa selain Islam, semua jalan lain adalah sesat belaka dan membawa kecelakaan di dunia dan di akhirat. Bagi membezakan antara jalan yang benar dan sesat ini, seseorang itu hendaklah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan mengkaji mengenainya dengan penuh keinsafan.

Baginda Rasulullah saw telah mengajarkan umatnya satu doa supaya menetapkan hati dan pegangan terhadap ajaran Islam dan menjauhi diri dari kesesatan. Doa baginda Rasulullah,

اللهم ثبت قلبي على دينك وعلى طاعتك

Maksudnya : Wahai tuhanku tetapkanlah hatiku di atas agama mu dan ketaatan kepadamu.

Dalam hal ini, ilmu yang benar adalah penting untuk diikuti bukan yang mengelirukan dan bukan meragukan. Pengertian ilmu dalam konteks ini dijelaskan oleh imam al-Ghazali sebagai berikut :

“Ilmu yang sesungguhnya ialah tersingkapnya sesuatu yang jelas, sehingga tidak ada lagi ruang untuk ragu-ragu, tidak mungkin salah atau keliru; tidak ada tempat di hati untuk itu. Keimanan dari bahaya salah atau keliru harus diperkuat dengan keyakinan demikian rupa sehingga andaikata disangkal oleh seorang yang mempunyai kesaktian, yang misalnya dapat merubah tongkat menjadi ular, namun demikian itu tidak akan menimbulkan ragu-ragu sedikitpun juga terhadap keyakinan tadi. Apa yang diketahui, bila tidak seyakini itu maka yang demikian bukanlah ilmu yang patut menjadi pegangan dan tidak ada rasa aman di dalamnya. Dan setiap ilmu yang tidak memberi rasa aman bukanlah ilmu yang yakin.”(Y.B S.S Dato’ Hj.Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad 2019).

Golongan Yang Dapat Membantu Menangani Ajaran Sesat Dalam Kecanduan Penggunaan Media Sosial

Minat remaja terhadap teknologi internet dan alat komunikasi mendorong mereka menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna menjadikan kesan dan pengaruh media bukan sahaja menjadi kecanduan remaja pada masa kini malah memberi cabaran kepada golongan yang akan membantu menangani ajaran sesat dalam kecanduan penggunaan media sosial. Ramai di kalangan pelajar yang ponteng sekolah, menyalahgunakan wang saku, meminjam wang teman bahkan ada yang sanggup menipu dan mencuri (Siti Nor Hanani 2011). Wajarlah bahawa golongan yang rapat dengan individu yang ketagihan dalam media sosial perlu dititikberatkan agar tidak cenderung kepada penyelewengan akidah terutamanya ibu bapa dan ahli keluarga.

1) Ibu bapa dan Ahli Keluarga

Bagi mengelakkan kecenderungan anak-anak dalam ketagihan media sosial, ibu bapa haruslah memberikan didikan agama yang cukup terhadap anak-anak mereka, Perkara ini hendaklah diterapkan dalam diri anak-anak ketika mereka masih kecil lagi. Hal ini demikian kerana anak-anak ibarat kain putih dan ibu bapalah yang mencorakkannya. Ibu bapa dapat mendidik anak mereka dengan mengajar mereka untuk membezakan yang mana perkara yang bagus untuk diikuti dan perkara yang wajib di jauhi. Misalannya, ibu bapa menerangkan tentang pengaruh barat yang dikongsi melalui 'Youtube' dan menjadi ikutan ramai tetapi bercanggah dengan akhlak dan hukum agama.

Oleh yang demikian, didikan agama sangat penting terhadap anak-anak agar mereka lebih mengenali perkara yang baik dan perkara yang memberikan impak negatif terhadap diri, keluarga, masyarakat, dan Negara. Petikan ayat al-Quran berkaitan didikan terhadap anak-anak yang disebutkan oleh Allah SWT:

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ ۖ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah cobaan (bagimu), dan di sisi Allah pahala yang besar.”

Kupasan lanjut daripada Latifah Arifin (2018)¹⁴, setiap Muslim seharusnya ambil peduli dan memainkan peranan masing-masing bagi membantu menyelamatkan akidah golongan berkenaan dengan mendekati mereka secara berhemah. Pendakwah kelahiran Singapura, Farhana Munshi berkata, setiap kita harus ambil tahu apakah punca golongan itu berpaling daripada ajaran agama kerana mungkin mereka melihat sesuatu perkara dari sudut pandang berbeza dan cara berfikir perlu dibantu serta diperbetulkan. Katanya, tidak faham undang-undang Islam juga akan memudahkan nafsu menguasai diri dan akhirnya mengambil langkah meninggalkan suruhan agama, sementara terpengaruh dengan budaya bertentangan Islam menyebabkan mereka cenderung menolak syariat. Kata beliau lagi, "Sebenarnya kerja dakwah bukan tugas mutlak ustaz atau ilmuwan sahaja, sebaliknya setiap daripada kita perlu melakukannya, dimulakan dengan orang terdekat seperti ahli keluarga dan sahabat.”

¹⁴ Latifah Arifin, “Bantu Selamat Akidah Golongan Hilang Arah”, laman sesawang Google, diakses 22 April 2018, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/415158/bantu-selamat-akidah-golongan-hilang-arah>

Tambah beliau antara inisiatif yang boleh digerakkan bagi membantu mereka yang hilang arah adalah mengembalikan pendidikan agama yang menekankan aspek kepercayaan dan iman kepada Allah SWT. Beliau yang banyak terbabit dalam kerja penterjemahan karya ilmuwan Islam melihat kaedah pendidikan perlu dimulakan oleh ibu bapa terhadap anak pada awal usia seperti memberi ilmu ketuhanan yang mudah difahami, termasuk kepentingan mencintai Allah SWT dan junjungan Nabi Muhammad SAW.

Ibu bapa seharusnya lebih kerap bercerita mengenai Allah SWT, peranan manusia sebagai khalifah di bumi dan mengapa syariat membataskan kita daripada melakukan perkara tertentu supaya mereka merasai wujudnya perhubungan spiritual serta mendahulukan agama dalam kehidupan. Kepatuhan kepada ajaran agama boleh disemai melalui pelbagai cara, termasuk menjadikan al-Quran dan sunah sebagai pedoman, memahami setiap ayat yang mengandungi nasihat serta perintah bagi memenuhi kewajipan sebagai seorang Muslim (Latifah Arifin 2018).

2) Kerajaan dan Undang-Undang

Media sosial memainkan peranan yang sangat penting bagi membentuk masyarakat yang mementingkan persoalan akidah dalam pembentukan seseorang Muslim yang beriman. Juga tidak dinafikan bahawa media sosial terdapat banyak kegunaan dari segi positif seperti berperanan dalam menyampaikan dan menerima ilmu, mengeratkan silaturahim, menjadi sumber rujukan dan pengetahuan, medium untuk bersuara dan sebagainya. Walakin itu, apa yang berlaku dalam sistem penggunaan media sosial masa kini dalam menyebarkan maklumat, individu yang tidak bertanggungjawab menyebarkan atau berkongsi maklumat yang tidak sahih yang boleh menjejaskan seseorang sebagai seorang Muslim yang berpegang teguh pada agama Islam. Media sosial seperti Facebook, Whatsapp, dan Twitter sering menjadi aplikasi yang digunakan untuk menyebarkan berita palsu.

Pergaduhan yang sangat serius akan berlaku apabila individu itu difitnah seolah olah mereka yang melakukan aktiviti terkutuk tersebut. Perkara ini sangat memberi kesan terhadap kanak kanak dan remaja di kalangan pelajar sekolah rendah kerana akal fikiran mereka yang terlalu cetek dan kurang arif dengan agama akan mudah condong kepada amalan agama yang pintas. Hal ini mengakibatkan mudah berlaku penyelewengan akidah serta bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah jika tidak dikawal dengan sebaiknya.

Menurut kajian Muhammad Syazwan Ayub et al.,(2019)¹⁵ Kerajaan Malaysia mengawal isu seperti ini daripada terus berleluasa dengan mewujudkan undang-undang dan akta seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286), serta Kanun Keseksaan (Akta 574). Kes penyalahgunaan media sosial masih tidak dapat dibendung oleh kerajaan. Oleh yang demikian, kerajaan perlulah mengkaji semula cadangan untuk mewajibkan pendaftaran pengguna media sosial. Cadangan ini dianggap mustahil oleh kerajaan kerana pengguna media sosial yang terlalu ramai. Namun, kita harus melihat bahawa langkah yang sama diambil oleh kerajaan pada tahun 2006 di mana setiap pengguna telefon bimbit prabayar perlu didaftar bagi membantu pihak berkuasa mengesan mereka yang menggunakan perkhidmatan untuk menyebarkan fitnah dan berita palsu. Langkah ini berjaya dilaksanakan. Usaha membanteras ketagihan media sosial daripada cenderung kepada penyelewengan akidah adalah selaras dengan hasrat menjadikan negara kita dilimpahi dengan keberkatan daripada langit dan bumi sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: “Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi.” (Surah al-A’raaf : 96)

Sebagai sebuah organisasi yang memerintah negara, kerajaan harus memainkan peranan penting agar keharmonian dalam negara dapat dikekalkan dan dijauhi daripada masalah dan isu yang berkaitan dengan media sosial sebagai medium penyelewengan akidah masa kini. Negara yang harmoni adalah tercetus daripada kelompok pimpinan yang bertanggungjawab serta berwibawa.

Rumusan

¹⁵ Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazmallail Marni, “Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam,”Jurnal SSTM’19, 15 Disember 2019, 16

Pengaruh media sosial sebagai medium penyelewengan akidah masa kini dalam tahap kemodenan dan kehidupan tidak dapat dielakkan dan mempunyai pengaruh yang besar khususnya generasi muda. Ianya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan moden kini yang akan terus meningkat penggunaan dan pengaruhnya dari masa ke semasa. Penggunaan dan pengaruh dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini sudah tidak dapat dipisahkan dengan internet mahupun aplikasi-aplikasi sosial dalam banyak aspek kehidupan. (Siti Nor Hanani 2011). Justifikasinya boleh menyebabkan akidah umat Islam menyeleweng dari tuntutan Allah, bahkan ianya juga adalah sebahagian daripada unsur-unsur yang membawa kepada perpecahan dikalangan umat Islam sendiri. Akan timbul dalam masyarakat Islam beberapa kumpulan yang mengamalkan beberapa kumpulan yang mengamalkan beberapa jenis ilmu yang berbeza disebabkan punca media sosial melalui penyebaran ilmu yang tidak sah terutama dalam soal keagamaan.

Apa yang pengkaji dapat simpulkan bahawa dalam hal ini kerjasama amat diperlukan daripada semua pihak termasuk orang awam dan pihak berkuasa agama terutamanya agar dapat sama-sama meletakkan agenda pembasmian ajaran sesat dalam masyarakat kita sebagai keutamaan pada masa kini. Ini kerana dalam agama Islam, konsep amar makruf nahi munkar menuntut sumbangan daripada semua pihak dan perlu dilihat secara menyeluruh. Ia bukan tugas golongan yang terdekat sahaja untuk menangani media sosial sebagai medium penyelewengan akidah masa kini malah itulah peranan setiap individu Muslim dalam melaksanakan tanggungjawab hidup bermasyarakat. Masyarakatlah golongan pertama yang mampu menghidu atau mengetahui sama ada wujud sebarang aktiviti berkaitan ajaran yang menyimpang dari Islam atau tidak dalam golongan yang terdekat (Siti Zubaidah Ismail 2010).

RUJUKAN

Astro Awani, "Fahaman Syiah Disebarkan Melalui Media Sosial," laman sesawang Google, diterbitkan 26 Ogos 2013, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-fahaman-syiah-disebarkan-melalui-media-sosial-21068>

Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan, "Pengertian Murtaf," laman sesawang Google, diterbitkan 27 February 2015, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/2064-25>

Datuk Syeikh Muhamad Baderudin Ahmad, "Belajar Agama Guna Media Sosial Boleh Terjebak Dengan Ajaran Sesat," laman sesawang Google, diterbitkan 03 Mac 2016, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/03/03/belajar-agama-media-sosial>

Dr Nik Roskiman Abdul Samad, "Kesan Buruk Sebar Fitnah Dalam Media Sosial," diakses 23 Julai 2015, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/07/69549/kesan-buruk-sebar-fitnah-dalam-media-sosial>

Ensiklopedia Dakwah, Lajnah Penyelidikan Dewan Ulamak PAS Selangor, "Faktor-faktor Utama yang Merosakkan Akidah Muslim" laman sesawang Google, diterbitkan 13 Disember 2015, <http://ensiklopediadakwah.blogspot.com/2015/10/7-faktor-utama-yang-merosakkan-akidah.html>

Latifah Arifin, "Bantu Selamat Akidah Golongan Hilang Arah", laman sesawang Google, diakses 22 April 2018, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/415158/bantu-selamat-akidah-golongan-hilang-arah>

Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazmallail Marni, "Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam," Jurnal SSTM'19, 15 Disember 2019, 7

Nailah binti Ismail, "Al-Hawa Dalam Penyelewengan Akidah : Kajian Di Kelantan", (tesis Ijazah Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 122-127

Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad & Ahmad Marzuki Mohammad, "Media Sosial dan Instagram Menurut Islam," Jurnal p. 277-296 . ISBN: 978-967-2296-55-3, 281

Penulis Tidak Diketahui, "Isu Salah Laku Dalam Penggunaan Internet", laman sesawang Blogspot, diakses 08 Ogos 2016, <http://penggunainternetb.blogspot.com/>

Penulis tidak diketahui, "Ajaran Sesat Di Malaysia: Kesan Sosialisasi Terhadap Masyarakat Dan Negara", diterbitkan 17 Oktober 2016, http://ajaransesat07.blogspot.com/2016/10/ajaransesat-di-malaysia-ajaran-sesat-di_17.html

Siti Norhanani, “Kesan Dan Cabaran Dunia Siber Dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat”, laman sesawang Google, diterbitkan 15 December 2011,

<https://sitinorhanani.wordpress.com/2011/12/15/kesan-dan-cabaran-dunia-siber-dalam-pembentukan-akhlak-masyarakat/>

Y.B S.S Dato’ Hj. Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus, “Persediaan Menangani Ajaran Menyeleweng atau Sesat,” laman sesawang Mufti Kerajaan Negeri, diakses 19 April 2019,

<http://www.muftins.gov.my/v1/en/2019/04/19/persediaan-untuk-menangani-ajaran-menyeleweng-sesat/>